



Submission date: 03.02.2025 Accepted date: 10/02/2025 Published date: 01/03/2025

## **Sikap Ihsan Dalam Ilmu Silat: Sebuah Sorotan (*Compassion In Silat's Teaching: A Review*)**

**Nazmi Qayyum Hamdan<sup>1</sup>, Adib Hilmi Hishamuddin\*<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Persatuan Kajian Ilmu Silat Malaysia.

<sup>2</sup>Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

\*Corresponding author: [adibhilmi03@gmail.com](mailto:adibhilmi03@gmail.com)

### **Abstrak**

Silat merupakan hasil kearifan tempatan dalam ketamadunan Melayu. Pada zaman ini, pemahaman ihsan dalam dunia seni bela diri terutamanya silat sudah semakin pudar. Sedangkan, silat memiliki falsafah tersendiri yang memupuk sikap ihsan sehingga terlahirnya ungkapan “zahir silat mencari kawan.” Objektif utama kajian ini adalah menyorot sikap ihsan dalam dunia persilatan. Kajian ini bersifat kepustakaan dan juga temu bual yang menyorot sejarah berkaitan asal usul silat serta pengalaman para pesilat dalam menghadapi konflik. Analisis dilakukan menurut perspektif Islam dan mendapati bahawa sejarah asal usul silat Melayu serta pengalaman guru-guru silat ketika menghadapi ancaman menunjukkan sikap ihsan yang tinggi menepati adab pertempuran dalam al-Quran dan hadis. Dicadangkan agar diwujudkan model adab persilatan ketika bertempur lalu diterapkan dalam mana-mana pertandingan silat tempur agar menunjukkan ketinggian ketamadunan Melayu dalam bidang seni bela diri.

**Kata kunci:** silat, batasan bela diri, simpati.

## Abstract

Silat is a reflection of local wisdom in Malay civilization. Today, the understanding of compassion in fighting within martial arts, especially silat, has increasingly diminished. In reality, silat possesses its own philosophy that promotes an attitude of compassion encapsulated in the expression, “silat externally is for seeking friends.” The primary objective of this study is to emphasize the attitude of compassion within the realm of silat. This study employs a literary approach and interviews that illuminate the history related to the origins of silat and the experiences of silat gurus in confronting conflict. The analysis is conducted from an Islamic perspective. It reveals that the origins of Malay silat and the experiences of silat gurus in facing threats exhibit a high degree of courtesy in line with battle etiquette outlined in the Quran and hadith. It is recommended that a model of silat etiquette be developed and implemented in martial arts competitions to showcase the high value of Malay civilization in the field of martial arts.

**Keywords:** silat, self-defense limit, sympathy.

## Pengenalan

Menurut perspektif Islam, sejarah pertama pembunuhan adalah antara dua anak Nabi Adam AS sebagaimana yang disebutkan dalam hadis (Al-Bukhari, 2001: 4/133). Perkara ini dirakamkan dalam surah al-Maidah ayat 27-30 (tanpa menyebutkan nama), Qabil berkata kepada Habil bahawa dia akan membunuhnya tetapi Habil menasihatinya dan tidak sesekali akan mengangkat tangannya untuk membunuh Qabil. Akhirnya Qabil terikut akan nafsu dan membunuh Habil dengan mudah sekali. Di sini kelihatan pertembungan antara sifat ganas dan sifat ihsan.

Ötzi the Iceman yang berusia 5000 tahun telah dijumpai pada tahun 1991. Kemudian, sepuluh tahun selepas itu pengkaji mendapati terdapat anak panah tertanam di bahu Ötzi. Kennewick Man pula dijumpai pada tahun 1996 dan dijangka umurnya kira-kira 9400 tahun. Terdapat kesan lontaran

batu pada pelvis Kennewick Man, bermakna ia telah dibunuh dengan senjata projektil. Selain itu, mayat yang hampir terpelihara bernama Lindow Man berusia lebih 2000 tahun didapati bahawa punca kematiannya adalah disebabkan kepalanya ditetak objek tumpul, lehernya disembelih dan dipulas. Menurut Pinker (2011: 2-4), kesemua ini menunjukkan bahawa kadar peratusan untuk dicerderakan pada zaman dahulu adalah tinggi.

Sebagaimana persoalan pada tajuk buku Pinker (2011), kenapa manusia zaman sekarang sudah kurang ganas berbanding dahulu. Hal ini demikian kerana semakin maju tamadun, semakin rasional sikap manusia. Antara bentuk ketamadunan manusia untuk mengelakkan ancaman daripada orang lain adalah melalui penciptaan seni bela diri atau lebih dikenali sebagai “silat” di alam Melayu. Silat memiliki sejarahnya yang tersendiri, dan kini telah diiktiraf sebagai seni mempertahankan diri rasmi Malaysia pada tahun 2015 di Dataran Merdeka (Mariah Ahmad, 2015). Bahkan silat berjaya disenaraikan di bawah kategori *Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity* oleh UNESCO pada Disember 2019 (BERNAMA, 2019).

### **Permasalahan Kajian**

Terdapat beberapa sumber yang dapat digunakan bagi mengenal pasti masalah, antaranya melalui pengalaman pengkaji dalam kehidupan peribadinya (Creswell & Creswell, 2018: 159). Pengkaji pernah menyertai sebuah kumpulan *Whatsapp* yang mengumpulkan pelbagai aliran bela diri sama ada silat ataupun bukan silat. Sekitar bulan Februari 2020, terdapat seorang ahli kumpulan yang berkongsi video mengenai kejadian seorang lelaki tua berasa tidak puas hati terhadap penguatkuasa yang menyita keretanya. Kemudian lelaki tua itu memukul penguatkuasa tersebut menggunakan payung dengan pukulan yang tidak kuat. Penguatkuasa pula bertindak balas dengan menumbuk lelaki tua itu sehingga dia terjatuh dan luka.

Menurut neraca undang-undang, kedua-duanya salah kerana memulakan pukulan dan memukul secara melampau (Ariffin Haron, 2017). Tetapi yang lebih bersalah ialah penguatkuasa tersebut kerana telah menggunakan kekerasan melampau. Tumbukan yang dilakukan oleh penguatkuasa tersebut tidak patut kerana lelaki itu jelas sekali sudah tua (tiada kekuatan), dan payung digunakan untuk memukul itu tidak dianggap sebagai alat yang mampu mencederakan. Dalam fiqah Islam terdapat kaedah yang berbunyi:

Darurat itu dihitung sesuai dengan kadarnya. (Al-Zarqa, 1989: 163)

Sejurus video ini dikongsikan, maka timbullah dua pendapat dalam kumpulan *Whatsapp* tersebut tanpa mengira latar belakang seni bela dirinya; ada yang menyokong penguatkuasa dan ada yang membela lelaki tua Cina. Ramai juga ahli silat yang berpuas hati dengan tindakan penguatkuasa tersebut. Hanya segelintir ahli yang mengatakan tindakan penguatkuasa itu melampaui batas.

Apa-apa pun, yang menyedihkan ialah ramai juga pesilat yang menyokong perbuatan penguatkuasa tersebut. Sedangkan jika seseorang pesilat itu belajar serta menghayati hukum fiqah dalam Islam, sepatutnya mereka akan faham kenapa perbuatan penguatkuasa itu salah. Hal ini menjadi tanda tanya adakah silat memupuk seseorang itu menjadi ganas? Jika hal ini berlarutan, maka secara tidak langsung akan memusnahkan akhlak para penuntut silat, dan tidak mustahil akan dipandang sebagai kumpulan yang memiliki unsur ekstrimisme pada masa akan datang. Sedangkan terdapat ungkapan masyhur dalam kalangan silat iaitu “Batin silat mencari Tuhan, zahir silat mencari kawan” yang menunjukkan bahawa sikap utama pesilat bukanlah untuk mencederakan orang.

### **Metodologi Kajian**

Berdasarkan permasalahan tadi, maka artikel ini cuba menyorot kembali sikap ihsan yang ditonjolkan dalam dunia persilatan. Sorotan ini dilakukan

secara dua dimensi iaitu sejarah asal usul silat dan pengalaman guru-guru silat dalam menghadapi konflik. Hal sedemikian dilakukan agar dapat dilihat adakah sikap ihsan ini ditonjolkan sejak ia diasaskan dan adakah diterapkan sehingga ke zaman moden. Sorotan sejarah asal usul silat dilakukan secara kepustakaan sahaja, manakala pengalaman guru-guru silat dalam menghadapi konflik dilakukan secara kepustakaan dan juga hasil temu bual pengkaji dengan guru-guru silat. Akhir sekali, segala dapatan dianalisis menurut perspektif Islam.

### **Sorotan Asal Usul Silat**

Terdapat beberapa versi kisah asal-usul silat Melayu. Kesemua kisah tersebut walaupun berbeza jalan cerita, tetapi kerangkanya tetap sama iaitu berkenaan seorang isteri yang mengalami latihan ilmu mempertahankan diri secara tidak sengaja. Si suami berprasangka buruk kepada isterinya, lalu si suami memukulnya tetapi si isteri mampu mengelak.

Riwayat versi pertama ialah peristiwa yang dikatakan pernah berlaku di sebuah perkampungan di Sumatera. Menurut cerita lisan, seorang suri rumah ingin mengambil setimba air di sebatang anak sungai. Ketika di anak sungai, dia ternampak sebuah pertarungan antara seekor harimau dengan seekor burung besar. Pertarungan itu berlangsung dengan begitu lama, tetapi akhirnya kedua-dua haiwan itu mati. Setelah habis pertarungan, dia mencedok air dan terus pulang ke rumah. Apabila sampai di rumah, si suami memarahinya dan menyangka dia berada lama di anak sungai kerana melakukan perkara curang. Maka terjadilah pertengkaram dan pergaduhan. Si suami ingin memukul isterinya, tetapi isterinya dapat mengelak dan menangkis pukulan tersebut. Si suami berasa hairan dan bertanya daripada manakah dia belajar gerak itu. Si isteri menerangkan apa yang berlaku, lalu suaminya meminta untuk diajarkan gerak-gerak tersebut. Melalui suami itulah ilmu gerak tersebut tersebar ke merata-rata daerah. (Tuan Ismail, 1991: 35-36)

Riwayat versi kedua pula, seorang suri rumah menjunjung sebuah bakul berisi makanan menuju ke rumahnya pada waktu senja. Tiba-tiba beberapa

ekor burung datang untuk mencuri makanannya. Wanita itu pun mengalih-alihkan bakulnya, menepis burung serta mengelak agar makanan dalam bakulnya itu selamat. Apabila sampai ke rumah, si suami berasa marah kerana isterinya pulang lambat, tambahan pula makanan habis punah. Si isteri cuba menerangkan, tetapi suaminya tidak mempedulikannya lalu terjadinya pertengkaran serta pergaduhan. Si suami cuba memukul isterinya, tetapi pukulannya dapat ditepis dan dielak. Hal ini membuatkan suaminya kagum lalu bertanya daripada siapa isterinya mempelajari gerakan itu. Si isteri memberitahu bahawa dia belajar daripada pengalaman ketika hendak menyelamatkan makanan daripada dicuri burung. Si suami pun belajar gerak itu dan melalui suamilah ilmu itu disebarkan dan digelar silat. (Tuan Ismail, 1991: 36-37)

Riwayat versi ketiga pula, diriwayatkan oleh Tuanmah Muelae (lahir pada 1948) daripada daerah Yala, Thailand. Seorang wanita bernama Temoh yang merupakan anak raja di Pulau Jawa, memiliki seorang suami bernama Uma yang kuat cemburu dan sukar untuk membenarkan dia keluar rumah. Suatu hari Temoh mandi di sebuah kolam dan terdapat seekor burung bertenggek di sebuah dahan. Temoh melambaikan tangan untuk menghalaunya, tetapi burung itu hinggap ke perutnya, lalu Temoh menepuk ke arahnya. Burung itu pun terbang ke atas kepalanya sehingga membuatkan Temoh mengangkat tangan untuk menangkapnya. Burung itu terbang mengelilinginya sehingga Temoh juga turut mengikutinya. Setelah beberapa lama, Uma berprasangka buruk terhadap isterinya, lalu dia pergi ke kolam sambil membawa sebatang kayu. Tatkala Uma jumpa Temoh, maka si suami terus memukul isterinya berulang kali. Tetapi Temoh mampu mengelak setiap pukulan tersebut menggunakan tapak semasa Temoh menangkap dan memukul burung. (Bussakorn Binson, 2016: 131-132)

Kisah versi keempat pula mirip dengan riwayat versi ketiga tadi. Kisah ini berkenaan orang pertama yang dikatakan menyusun silat gayung Kelantan bernama Abdullah Bagah. Pada suatu hari, isteri Abdullah pergi ke perigi untuk mengambil air, tetapi dia telah dihalangi oleh seekor burung

bernama Burung Huburin yang berwarna hijau. Dia cuba memukul burung itu dengan sebatang galah panjang tetapi burung itu dapat mengelak pukulannya. Burung itu mula-mula hinggap di atas kepala dan kemudian di atas bahu mengelak usaha isteri Abdullah hendak menangkapnya dan kemudian burung ini ghaib. Sementara itu, Abdullah telah nampak dari tingkap rumah kediaman mereka, tidak berapa jauh dari situ yang isterinya mengangkat tangan ke sana ke mari kerana hendak menangkap burung. Tetapi Abdullah mengesyaki isterinya melambai tangan kepada lelaki lain. Abdullah tidak nampak akan burung hijau itu, dan dia memanggil isterinya balik ke rumah. Sebaik saja isterinya masuk ke bilik suaminya, Abdullah terus menumbuk kepala isterinya sambil berkata “Aku ini teman lelaki kau!” Tetapi pukulan Abdullah itu tidak kena pada sasarannya, begitu juga pukulan kedua dan ketiga. Isterinya mengelak pukulannya itu dengan senang sahaja, sambil berdiri di pintu bilik itu dengan tidak sedikit pun gentar. Abdullah makin marah dan mengulang pukulannya terhadap isterinya bertalu-talu tetapi segala usaha beliau hendak memukul isterinya tidak berjaya. Akhirnya Abdullah pun berhenti kerana tercungap-cungap sambil berkata “Kamu belajar di mana?” Tetapi isterinya yang tidak mahu berkata apa-apa perihal kisah burung hijau yang dihadapinya, lalu dia hanya menjawab dengan ringkas “Aku tak belajar.” (Mubin Sheppard, 1973)

Keempat-empat kisah legenda ini memiliki gambaran pertempuran yang senada, iaitu si isteri tidak mencederakan suaminya dan hanya menggunakan elakan serta tepisan. Sikap ini sesuai diterapkan dalam situasi salah faham antara kedua-dua belah pihak yang tidak sepatutnya membawa kepada pergaduhan. Jika benarlah bahawa ini merupakan sejarah asal-usul silat Melayu, maka silat Melayu berakar umbi daripada nilai ihsan yang tinggi.

### **Sorotan Pengalaman Guru Silat Menghadapi Konflik**

Kisah pertama adalah berkenaan pengasas Silat Kumango iaitu Datuk Majoindo (sebelum beliau bergelar Syeikh Abdul Rahman al-Khalidi).

Majoindo memiliki kedai di Pasar Gadang Padang. Pada suatu pagi ketika membuka pintu kedai, tiba-tiba seorang lelaki berada di belakangnya tanpa diketahui dari mana datangnya lelaki tersebut. Lelaki itu berpakaian serba putih sebagaimana kebiasaan penampilan peminta sedekah di Minangkabau yang dipanggil sebagai “pakiah.” Majoindo bertanya tujuan kedatangan pakiah, lalu dia menjawab bahawa tujuannya untuk meminta wang supaya dapat membeli nasi kerana dia masih belum makan pada waktu pagi. Majoindo pun memberikan wang kepada pakiah. Si pakiah masih tidak beranjak dari tempat itu walaupun telah menerima wang. Ketika ditanya oleh Majoindo mengapa masih belum pergi, si pakiah mengatakan bahawa wang itu tidak cukup dan diminta untuk ditambahkan lagi. Majoindo pun memberikan lagi wang kepada si pakiah. Tetapi pakiah itu masih belum pergi hingga membuatkan Majoindo bertanya dengan nada marah kenapa dia belum pergi. Si pakiah masih menjawab dengan jawapan yang sama. Hal ini menambahkan lagi kemarahan Majoindo. Akhirnya Majoindo mengeluarkan wang dari kantung lalu menyerahkannya kepada pakiah dan mengusirnya sambil mengancam akan menampar pakiah kalau masih berdegil tidak mahu pergi.

Ancaman Majoindo akan menampar itu mendapat jawapan yang mengejutkan dari pakiah, “Saya memang menunggu tamparan dari Datuk,” ujarnya. Kemudian si pakiah mengatakan bahawa tamparan itu tidak akan diterimanya pada waktu itu, tetapi dia berjanji tujuh hari lagi ketika dia datang semula ke Padang. Si pakiah menyuruh Majoindo dalam masa tujuh hari itu untuk pergi menemui guru-guru atau rakan-rakannya untuk menambah ilmu dalam menghadapi pakiah nantinya.

Datuk Majoindo bukanlah orang sembarangan kerana dahulunya beliau telah menuntut ilmu ke setiap penjuru dalam Luhak Nan Tigo. Di mana saja ada guru-guru yang berilmu tinggi, beliau akan menuntut dengannya sehinggalah beliau juga memiliki ilmu yang tinggi. Lebih kurang sepuluh tahun beliau menjadi orang yang malang dalam dunia judi, tetapi tiada seorang pun yang berani mendesak beliau jika berhutang kerana kalah judi.



Kini tiba-tiba seorang pakiah yang mencabarnya kalau dilihat daripada penampilan fizikalnya seperti tiada apa-apa jika dibandingkan dengan Majoindo. Genap tujuh hari sebagaimana yang dijanjikan, setelah menutup kedainya maka Datuk Majoindo sudah bersedia menunggu kedatangan pakiah. Setelah masuk waktu Isyak, pakiah belum lagi datang sehingga Majoindo menyangka si pakiah mungkin tidak jadi datang. Beliau pun terus tidur, tetapi tidak berapa lama kemudian beliau terkejut dibangunkan oleh si pakiah.

Setelah berbincang, maka kedua-duanya turun ke luar kedai. Pakiah mempersilakan Majoindo untuk menyerang terlebih dahulu. Setiap serangan yang dilakukan Majoindo tiada satu pun yang hinggap ke pakiah. Serangan-serangan itu terlepas begitu saja sehingga beliau tertumbuk dan terlanggar pada dinding serta tiang kedai lalu membuatkan badannya luka dan kepalanya berdarah. Majoindo terus mencuba lagi menyerang pakiah, akan tetapi semuanya tidak mengena sasaran. Disebabkan tiada serangan yang mengena bahkan badannya sendiri yang cedera, maka Majoindo mengaku kalah dan meminta untuk menjadi murid pakiah. Selesai pertempuran, pakiah mengubati luka-luka Majoindo. Pengubatan itu dimulai dengan Bismillah dan diakhiri dengan Alhamdulillah. Dengan pertolongan Allah semua luka-luka yang dialami Majoindo sembuh sehingga keadaan tubuh beliau kembali seperti biasa. Setelah itu, Majoindo disedarkan oleh pakiah atas kejahatan dan dosa-dosa beliau di masa lalu dan kemudian ditaubatkan. (H. Rusli, 2008: 7-11)

Kisah seterusnya juga berkaitan Majoindo yang ingin pergi ke Mekah setelah mempelajari silat dengan si pakiah. Datuk Majoindo berangkat dengan berjalan kaki melalui jalan-jalan pintas. Dari Kumango ke Payakumbuh, kemudian ke daerah Suliki, dan dari sana ke Pasaman. Di daerah Pasaman sebelum sampai daerah Kumpulan, Majoindo ingin diserang beramai-ramai oleh empat orang lelaki yang berniat untuk merompaknya. Tanpa disedari oleh Majoindo, keempat-empat lelaki itu terjatuh ke dalam longkang saling berhimpitan sehingga ada antara mereka yang luka-luka. Majoindo pun mengubati keempat-empat orang itu seperti

yang dilakukan oleh pakiah kepada beliau semasa di Padang, iaitu dimulai dengan Bismillah dan diakhiri dengan Alhamdulillah. Dengan pertolongan Allah, keempat-empat orang tersebut sembuh daripada cederanya dan mereka berterima kasih serta meminta maaf kepada Datuk Majoindo. (H. Rusli, 2008: 11)

Daripada kisah Silat Kumango ini, tidak hairanlah terdapat ungkapan mereka yang berbunyi, “Musuah indak dicari, basuo paralu diilakkan” yang bermaksud “Musuh jangan dicari, jika bersua perlulah dielakkan.” Juga terdapat dalam falsafah Silat Kumango, jika musuh menyerang pertama kali, maka hendaklah dielak dan anggaphlah penyerang itu seperti ibu atau bapa. Jika diserang kali kedua, maka elaklah serta nasihatilah dia dan menganggap penyerang itu seperti guru. Jika diserang kali ketiga, maka elaklah serta nasihatilah dia dan menganggap penyerang itu seperti kawan. Jika sudah tiga kali nasihat dan masih diserang, maka itu bukan lagi orang sebaliknya syaitan. (H. Rusli, 2008: 37-38)

Kisah yang hampir sama terjadi kepada Shaik Dada iaitu pengasas Silat Pelaga atau lebih dikenali sebagai Siku 12. Kisah ini diriwayatkan oleh Salleh bin Yahya yang ditemu bual oleh pengkaji pada 29 Oktober 2023 di Teluk Bahang. Semasa di kedai makan, Wahab Minangkabau menyindir, “Ada orang nak tunjuk handal, tapi dia kata tak berani nak lawan!” Kemudian Wahab Minangkabau menjentik nasi ke arah Shaik Dada. Setelah itu, Shaik Dada ajak dia berlawan dan menyuruhnya tumbuk. Wahab Minangkabau menumbuk berkali-kali, tetapi Shaik Dada hanya mengelak tanpa membalas apa-apa. Akhirnya Wahab Minangkabau jatuh kepenatan, kemudian Shaik Dada kata, “Itulah lain kali jangan cakap *besaq*, ilmu pun tak seberapa, tumbuk pun tak sampai!” Beliau berlawan dengan Wahab “Minangkabau” tanpa ada pukulan. Murid Shaik Dada iaitu Ahmad bin Osman atau lebih dikenali sebagai Pak Mad Emden juga mewarisi sikap ini. Pada 30 November 2023, pengkaji bertemu dengan Akil (murid Pak Mad Emden) menceritakan bahawa Pak Mad Emden mengajarkan Siku 12 sehingga orang itu tidak mahu atau risau untuk berlawan. Hal ini merupakan perkara biasa jika seseorang itu berlatih cara

tempur sebenar sehingga mengetahui hakikat sebenar keperitan bergaduh. Pernah terjadi perselisihan antara Pak Mad Emden dengan Shaik Dada sehingga gurunya itu mengajak untuk berlawan, lalu dijawab oleh Pak Mad Emden dengan rendah diri, “Timun dengan durian golek *tang* mana pun, durian yang menang.” Kemungkinan juga cabaran Shaik Dada tersebut sebenarnya merupakan sebuah ujian terhadap murid.

Berikut pula ialah kisah Meor Abdul Rahman, pengasas Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia. Pernah pada suatu hari, Yusuf Candu, seorang kepala samseng di Pasir Panjang menghebohkan yang beliau sedang mencari tali perut orang Perak untuk dibuat tali timba. Apa yang dimaksudkan oleh Yusuf Candu itu adalah merujuk kepada Bidin. Setelah hal ini sampai ke pengetahuan Meor Abdul Rahman, beliau pergi mencari Yusuf Candu kemudian bertanya, “Betulkah awak nak ambil tali perut Bidin buat tali timba?” Yusuf Candu dengan sombong mengiyakan hal tersebut. Beliau bertanya lagi, “Apa salah Bidin?” Yusuf menjawab, “Dia (Bidin) kacau perempuan.” Bidin pun menafikan sehingga menyuruh perempuan tersebut junjung al-Quran untuk bersumpah. Yusuf sekali lagi menjawab dan menegaskan bahawa Bidin telah mengacau perempuan Cina. Akhirnya Yusuf memberitahu isi hatinya yang sebenar bahawa dia berasa tidak senang melihat orang asing datang ke Singapura untuk berlagak hebat. Sebaik sahaja mendengar kata-kata angkuh Yusuf, Meor Abdul Rahman dengan nada suara yang agak keras bertanya, “Jadi apa yang awak hendak?” Yusuf pun menyatakan, “Saya hendak tali perut Bidin!”

Yusuf cuba menggertak Meor Abdul Rahman dengan dakwaan bahawa beliau ialah orang Bugis sambil menunjukkan parut kesan bertarung ketika membunuh mangsa-mangsanya. Meor Abdul Rahman menegaskan yang beliau tidak mempunyai sebarang parut tetapi jika Yusuf Candu sudi mencabar, beliau amat senang hati untuk menyahut. Meor Abdul Rahman mencabar Yusuf Candu bertikam keris atau apa jua senjata yang dia mahir. Yusuf Candu menolak untuk bertikam dengan keris. Keenganan Yusuf Candu untuk bertikam keris menyebabkan Mahaguru Meor Abdul

Rahman terus menyergah, “Yusuf samseng tak guna, mengaku orang Melayu, gagah cacing lubang tahi.”

Disebabkan kata-kata itu, Yusuf Candu mula bergerak untuk menyerang, tanpa disedari tangkapan buah Malikul Maut oleh Meor Abdul Rahman sudah menewaskannya. Badan Yusuf Candu dalam sekelip mata mula longlai dan mukanya pucat. Oleh itu, Meor Abdul Rahman pun melepaskan tangkapannya kemudian memberikan penawar agar Yusuf Candu tidak menderita luka di dalam badan. Penawarnya berupa sehelai daun yang disuruh kunyah sehingga lumat (Wan Ahmad Fauzi, 2021: 75-77). Buah Malikul Maut atau Malaikat Maut adalah menyerupai teknik *rear naked choked* yang mengunci kepala musuh.

Kisah seterusnya adalah berkenaan Ishak Itam yang merupakan jaguh tomoi dan murid kepada Hanafi Ahmad, pengasas Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia. Beliau menceritakan pengalamannya ketika menuntut ilmu silat dengan Hanafi Ahmad:

Al-Marhum Ustaz Hanafi suruh saya mencubanya dengan beberapa buah pukulan terbaik yang saya pelajari... saya tewas. Bagaimanapun balasan pukulan saya disambut dengan tidak mencederakan saya. (Ishak Itam, 2015: 164)

Selain itu, Mohd Rauhi yang merupakan jurulatih Silat Cekak, di zaman mudanya pernah menjadi pengajar dalam kursus silat olahraga. Kebanyakan peserta yang diajarkan olehnya dalam kursus tersebut ialah guru-guru silat yang lebih tua daripadanya. Antara menjadi kebiasaan adalah menghadapi karenah guru silat yang bersikap panas baran. Menurut beliau, kegarangan dan panas baran mereka tidak susah untuk diredakan melalui tindakan yang strategik. Strategi utamanya adalah merendah diri, jangan sesekali berlagak atau sombong. Pernah satu ketika beliau didatangi oleh seorang guru silat yang terkenal dengan kehebatan luar biasanya, tapi sangat panas baran. Beliau datang ke rumah seorang diri kerana ingin melahirkan perasaan tidak puas hati pada satu aktiviti Majlis Silat Negeri Perak. Orangnya tinggi tegap dan menjadi terkenal apabila

berjaya menewaskan beberapa orang yang menyekat perjalanannya pada satu tempat yang sunyi. Difahamkan ada yang maut di tangannya, tetapi kes tersebut dibuang. Beliau juga amat terkenal dengan penumbuk yang mampu menembusi *punching bag* yang mengandungi pasir. Namun begitu, Mohd Rauhi berjaya menenangkannya dan beliau amat berpuas hati. Ketika balik, beliau mempelawa kepada Rauhi, “Jika cikgu nak belajar apa saja ilmu dari saya, jangan segan-segan. Bagi tahu saja, saya tetap akan tunaikan hajat cikgu.” (Mohd Rauhi, Ogos 2012)

Keseluruhan kisah-kisah yang dinyatakan ini menunjukkan kehalusan budi guru-guru silat dalam bertempur. Ada yang sekadar mengelak, ada yang mengunci musuh tanpa memukulnya, ada yang pukul sekadarnya, ada yang melarang memukul di alat kelamin kecuali jika diserang pisau, bahkan ada yang meredakan kemarahan. Abdul Majid Ismail et al. (2015: 127) menyatakan bahawa silat di zaman ini menjadi komponen budaya masyarakat dalam mendidik anak bangsa, dan matlamat sebenarnya adalah untuk membela diri apabila diceroboh dan bukannya untuk menceroboh.

## Analisis

Berdasarkan sorotan-sorotan yang dipaparkan tadi, kunci utama ketika konflik ialah sikap ihsan. Rasulullah SAW pernah bersabda:

Allah telah mewajibkan ihsan ke atas segala sesuatu, sehinggakan jika kalian mahu membunuh, bunuhlah dengan ihsan. (Muslim, 1955: 3/1548)

Ungkapan “bunuhlah dengan ihsan” bermaksud umum bagi setiap pembunuhan seperti penyembelihan haiwan, qisas, hudud dan lain-lain (al-Nawawi, 1972: 13/107). Menurut al-San‘ani, Rasulullah SAW menyuruh berlaku ihsan ketika membunuh maka hal ini juga menunjukkan bahawa Rasulullah SAW menyuruh bersifat ihsan pada perkara selain pembunuhan. Hal demikian kerana jika baginda suruh berlaku ihsan ketika membunuh sedangkan ia nampak menyakitkan secara zahir, apatah pula dengan selain pembunuhan (al-San‘ani, 2011: 2/26). Sebagai contoh

dalam kisah asal usul silat memaparkan ihsan seorang isteri yang hanya mengelak dan menepis tanpa memukul suami. Antara cara untuk mencapai sikap ihsan adalah dengan mengekang daripada kemarahan. Rasulullah SAW pernah bersabda:

Orang kuat bukanlah orang (pandai) dalam bergulat, orang kuat ialah orang yang mampu mengendalikan diri ketika marah. (Al-Bukhari, 2001: 8/28)

Hal ini bertepatan dengan tafsiran pada firman Allah berikut:

Dan tidaklah sama kebaikan dan kejahatan. Tolaklah (kejahatan itu) dengan cara yang lebih baik, maka tiba-tiba orang yang antaramu dan antara dia ada permusuhan seolah-olah telah menjadi teman yang sangat setia [Fussilat (41): 43]

Maksud “tolaklah (kejahatan itu) dengan yang lebih baik” ialah bersabar ketika marah, berlemah lembut ketika jahil, dan bermaafan ketika ada kesalahan agar Allah memelihara orang beriman daripada syaitan serta menundukkan musuh kepada orang beriman (Al-Baihaqi, 2002: 7/71). Perkara ini dicontohkan oleh si pakiah, Majoindo dan Meor Abdul Rahman yang mengubati pihak lawannya. Jika dalam keadaan tertentu tidak mampu membalas dengan lebih baik seperti situasi berperang, maka balaslah dengan balasan setimpal sebagaimana Allah berfirman:

Dan balasan suatu kejahatan adalah kejahatan yang setimpal, maka sesiapa memaafkan dan berbuat baik maka pahalanya atas (tanggungan) Allah. Sesungguhnya Dia tidak menyukai orang yang zalim. [Al-Shura (42): 40]

Rasulullah SAW pernah memberikan panduan untuk berperang, antaranya tidak mencincang badan musuh:

Berperanglah, jangan kalian melampau (dalam membunuh). Jangan kalian lari dari medan perang, jangan kalian mencincang. Jika kalian bertemu dengan musuh daripada kalangan orang

musyrik, ajaklah mereka kepada tiga perkara. Jika mereka menerima salah satu daripada perkara tersebut, maka berhentilah memerangi mereka, kemudian serulah mereka kepada Islam. (Muslim, 1955: 3/1357)

Maksud Rasulullah SAW melarang mencincang adalah perbuatan cincang yang melampau (al-Sindi, 2010: 3/89), kerana tiada manfaat jika melakukannya (Mulla 'Ali, 1985: 337). Sebagaimana yang berlaku pada Meor Abdul Rahman dan Hanafi Ahmad yang mengekang lawannya tanpa ada kecederaan yang serius. Lebih hebat daripada itu adalah dengan hanya melakukan elakan sebagaimana kisah si pakiah, Shaik Dada dan si isteri dalam riwayat sejarah silat.

Pada 3 April 2021, pengkaji pernah menyertai kursus ilmu kerambit yang dikendalikan oleh seorang guru silat terkenal (telah meninggal dunia). Gerakan buah kerambitnya agak keterlaluan, hanya sebiji buahnya ada bermacam-macam serangan pada tubuh musuh. Setelah diserang pada leher, disambung pula serangan pada perut bahagian depan dan sisi. Bahkan ada kaedah untuk memburaikan perut, sedangkan cukup sekali libasan pada leher sudah mampu mematikan musuh. Tidak diketahui adakah gerakan itu daripada ilmu tradisi atau rekaan olehnya, tetapi menurut pendapat pengkaji ia tidak memaparkan sifat silat Melayu asli yang menekankan ihsan. Al-Sindi (1986: 7/227) menyatakan tidak patut membunuh musuh dengan memukulnya berkali-kali di bahagian yang tidak mematikan tanpa sebarang keperluan. Menurut al-Baydawi (2012: 3/82) pula, menggunakan cara yang terpanjang serta paling kurang sakit untuk membunuh adalah salah satu bentuk ihsan. Antara cara paling mudah untuk membunuh manusia adalah dengan menebas tengkuk menggunakan pedang (Ibn Rajab, 2008: 363).

Tidak dinafikan silat Melayu memiliki ilmu membunuh atau melumpuhkan musuh seperti “Pukulan Tujuh Hari” yang merujuk kepada tujuh titik lemah di badan musuh dan “Tumbukan Sejengkal” pula merujuk kepada titik lemah di badan musuh setiap sejengkal bermula daripada batang hidung separas mata. Ini merupakan salah satu bentuk khazanah

ilmu persilatan. Namun begitu, ramai juga pesilat yang terlalu berbangga dengan “ilmu membunuh” ini berbanding konsep ihsan dalam silat iaitu “zahir silat mencari kawan.” Bahkan Allah lebih menekankan ihsan berbanding daripada membunuh:

Oleh sebab itu, Kami tetapkan (suatu hukum) bagi Bani Israel, bahawa sesiapa yang membunuh seorang manusia bukan kerana orang itu (membunuh) orang lain, atau bukan kerana membuat kerosakan di muka bumi, maka seakan-akan dia telah membunuh manusia seluruhnya. Dan sesiapa yang menghidupkan seorang manusia, maka seolah-olah dia telah memelihara kehidupan manusia semuanya... [Al-Ma'idah (5): 32]

Mujahid menyatakan bahawa maksud “menghidupkan seorang manusia” ialah mengekang diri daripada membunuhnya (Ibn Abi Shaibah, 2015: 15/233). Dapat dilihat contoh si pakiah yang tidak memukul Majoindo walaupun memiliki kesempatan, manakala Majoindo tidak membunuh para perompak itu. Jika mereka dibunuh maka mereka mampu terjerumus ke dalam neraka kerana dosa yang dilakukan, hal ini memang merupakan misi utama Iblis untuk menjunamkan manusia ke dalam neraka. Sebaliknya mereka tidak dibunuh, tetapi “dihidupkan” jiwa mereka dengan taubat lalu secara tidak langsung mengalahkan syaitan. Hal ini bertepatan dengan hadis Rasulullah SAW:

Mahukah aku tunjukkan kepada kalian perkara yang lebih kuat dari itu? Iaitu seseorang yang dizalimi oleh orang lain, tetapi dia dapat menahan kemarahannya dan mengalahkannya. Dia dapat mengatasi kemarahannya, mengatasi syaitan (dalam dirinya) dan juga syaitan (dalam diri) orang itu. (Al-Bazzar, 2009: 13/475)

Pertempuran dengan mudarat yang ringan (ihsan) ini dapat dicapai dengan kaedah kunci, pergulatan atau elakan yang sememangnya wujud dalam kebanyakan silat Melayu kecuali aliran silat yang datang daripada negara China seperti Buah Pukul Mersing yang mirip dengan Wing Chun. Walaupun sesebuah aliran silat itu fokus pada pukulan, ia masih mampu



mengamalkan sikap ihsan dengan mengekang diri daripada memukul di bahagian yang mematikan. Pengamal Maenpo (Main Pukulan) menyatakan adab-adab memukul agar tidak melampaui batas:

Dalam dunia penca yang keras itu ternyata terdapat etika pertarungan yang dijunjung tinggi. Penutur Maenpo Cikalong mendapat amanat dari orang tuanya bahwa ilmu Maenpo harus digunakan untuk yang bermanfaat, dan pada sumber lain dikemukakan bahwa Maenpo Cikalong mengandalkan kemahiran teknis metode ilmu bela diri dengan sempurna dan tepat sehingga diri sendiri dan lawan tidak mendapat malapetaka dan sama-sama selamat. Begitu pula pada Penca Makao terdapat larangan untuk memukul alat kelamin lawan, kecuali lawan menyerang dengan senjata tajam. (Yus Rusyana, 1996: 102)

## **Rumusan**

Berdasarkan perbahasan, jelas menunjukkan bahawa salasilah silat berakar umbi dengan sikap ihsan yang diwarisi secara turun-temurun dan diamalkan oleh guru-guru silat yang mendapat kefahaman ilmu silat sejati. Walaupun tidak dinafikan bahawa ada guru silat yang menyeleweng daripada sikap ihsan ini sebagaimana seorang agamawan itu menyimpang daripada agamanya.

Hal ini dapat dilihat ketika pertandingan silat olahraga, terdapat kes seperti menyindir pihak lawan sehingga terjadinya pergaduhan mulut antara dua pihak. Perkara ini terjadi kerana masing-masing ingin menunjukkan kekuatan mereka sehingga terlupa berkenaan tujuan utama silat iaitu untuk bersikap ihsan sesama manusia. Oleh itu, dicadangkan agar sebuah model adab persilatan direka supaya dapat diterapkan dalam pertandingan silat atau konflik, sekaligus menunjukkan ketinggian ketamadunan orang Melayu dalam dunia seni bela diri.

## Penghargaan

Makalah ini ditulis sebagai suatu simbolik kepada perasmian aktiviti Persatuan Kajian Ilmu Silat Malaysia (PEKAJI) semenjak ia ditubuhkan pada 7 Januari 2025. Penghargaan juga diberikan kepada Biro Penyelidikan PEKAJI kerana telah menyemak makalah ini.

## Rujukan

- Abdul Majid Ismail, Abdul Hafiz Abdul Majid & Safiah Ahmad. (2015). "Rangkuman Etika Pertarungan Silat Melayu Dalam Keunikan Seni Silat Cekak Malaysia." Dalam *Nota Rancangan Kokurikulum Kebudayaan Seni Silat Cekak Malaysia Universiti Sains Malaysia*. Pulau Pinang: Unit Pembangunan Dan Penerbitan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia Cawangan Pulau Pinang.
- Al-Baihaqi, Ahmad bin al-Husain. (2002). *Al-Sunan al-Kubra*. Tahkik oleh 'Ata'. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Baydawi, Nasiruddin. (2012). *Tuhfah al-Abrar Sharh Masabih al-Sunnah*. Kuwait: Wizarah Awqaf
- Al-Bazzar, Ahmad bin 'Amr. (2009). *Al-Bahr al-Zakhkhar*. Madinah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Al-Bukhari, Muhammad bin 'Ismail. (2001). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Tauq al-Najah.
- Al-Nawawi, Yahya bin Sharaf. (1972). *Al-Minhaj Sharh Sahih Muslim bin al-Hajjaj*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-San'ani, Muhammad bin Isma'il. (2011). *Al-Tanwir Sharh al-Jami' al-Saghir*. Tahkik: Muhammad Ishaq Muhammad Ibrahim. Riyadh: Maktabah Dar al-Salam.

- Al-Sindi, Muhammad bin Abdul Hadi. (1986). *Hashiyah al-Sindi 'ala Sunan al-Nasa'i*. Halab: Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah.
- Al-Sindi, Muhammad bin Abdul Hadi. (2010). *Fath al-Wadud fi Sharh Sunan Abi Dawud*. Tahkik oleh al-Khauili. Madinah: Maktabah Adwa' al-Manar.
- Al-Zarqa, A. (1989). *Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Ariffin Haron. (2017). "Kajian Kes: Amalan Silat Cekak Malaysia dalam Undang-Undang Malaysia." Dalam *Pelestarian Silat Melayu: Antara Warisan dengan Amalan*, disunting oleh Nazarudin Zainun & Mohamad Omar Bidin, hlm. 22-37. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- BERNAMA. 2019. "Silat terima pengiktirafan UNESCO." 13 Disember. Diakses pada 23 April 2024. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/12/638217/silat-terima-pengiktirafan-unesco>
- Bussakorn Binson. (2016). Silat: A Muslim Traditional Martial Art in Southern Thailand. Dalam Paetzold, Uwe U. & Paul H. Mason (pnyt.), *The fighting art of pencak silat and its music: From Southeast Asian village to global movement*. Leiden: Brill.
- Creswell, John W. & Creswell, J. David. (2018). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Edisi ke-5. Amerika Syarikat: Sage Publications.
- H. Rusli. (2008). *Silat Kumango Dalam Kemurniaan dan Keutuhannya*. Padang: Penerbit UNP Press.
- Ibn Abi Shaibah, 'Abdullah. (2015). *Al-Musannaf*. Tahkik oleh al-Shatri. Riyad: Dar Kunuz Ishbiliya.

- Ibn Rajab, Abdurrahman bin Shihab. (2008). *Jami' al-Ulum wa al-Hikam*. Tahkik: al-Fahl. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Ishak Itam. (2015). "Tenang Dalam Perjuangan." Dalam *Nota Rancangan Kokurikulum Kebudayaan Seni Silat Cekak Malaysia Universiti Sains Malaysia*. Pulau Pinang: Unit Pembangunan Dan Penerbitan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia Cawangan Pulau Pinang.
- Mariah Ahmad. 2015. "Silat diiktiraf sebagai seni mempertahankan diri rasmi negara." *Astro Awani*, 18 September. Diakses pada 23 April 2024. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/silat-diiktiraf-sebagai-seni-mempertahankan-diri-rasmi-negara-73763>
- Mohd Rauhi Mohd Isa. (Ogos 2012). 40.16 Pengalaman Berguru Daripada Ustaz. *Lading Emas*. Diakses daripada <https://ladingemas.wordpress.com/2012/08/06/40-16-pengalaman-berguru-daripada-ustaz/>
- Mubin Sheppard. (1973). Seni Silat Melayu Di Pantai Timur. Dalam *Konvensyen Seni Silat Melayu Malaysia Pertama*, Dewan Serbaguna, Kementerian Kebudayaan Belia & Sukan.
- Mulla 'Ali al-Qari. (1985). *Sharh Musnad Abi Hanifah*. Tahkik oleh Khalil. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muslim bin al-Hajjaj. (1955). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Muslim bin Hajjaj. (1955). *Sahih Muslim*. Tahkik: Fuad. 5 jilid. Beirut, Lubnan: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Paetzold, Uwe U. & Paul H. Mason. (2016). *The fighting art of pencak silat and its music: From Southeast Asian village to global movement*. Jil. 5. Leiden: Brill.

Pinker, S. (2011). *The better angels of our nature: why violence has declined*. England: Penguin Group.

Tuan Ismail Tuan Soh. (1991). *Seni Silat Melayu Dengan Tumpuan Kepada Seni Silat Sekebun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. (2021). *Mahaguru Rahman Sendo*. Selangor: Abad Sinergi Sdn Bhd.

Yus Rusyana. (1996). *Tuturan tentang pencak silat dalam tradisi lisan Sunda: asosiasi tradisi lisan*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.